

BAB 9

PEMAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP PENDEKATAN SUAI GUNA SEMULA BANGUNAN BERSEJARAH: TINJAUAN DI PERAK

Daeng Haliza Daeng Jamal

PENGENALAN

Bangunan bersejarah merupakan salah satu warisan ketara yang berupaya menjadi simbol bagi sesebuah bandar dan komunitinya (A. Ghafar, 2010). Bangunan bersejarah yang masih kekal sehingga ke hari ini juga melambangkan kesungguhan pihak bertanggungjawab mengekalkan warisan seni bina di negara kita. Bangunan bersejarah secara mudahnya difahami sebagai bangunan lama yang mempunyai nilai sejarah dan keindahan pada seni binanya. Maka secara tidak langsung kewujudannya pula membuktikan kehebatan seni bina dan pertukangannya yang diwariskan dari satu generasi ke generasi. Berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) warisan didefinisikan sebagai satu pengertian generik yang bermaksud warisan kebangsaan, objek, tapak, dan warisan kebudayaan di bawah air sama ada disenaraikan atau tidak dalam daftar. Ashworth dan Tunbridge (1990) pula menjelaskan bahawa terma warisan juga digunakan dalam pelbagai konteks. Terma ini digunakan bagi merujuk kepada objek-objek dari masa silam atau tapak-tapak peninggalan tanpa struktur fizikal kekal yang dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa silam. Merujuk kepada pengertian-pengertian ini, jelas membuktikan bangunan bersejarah berpotensi menjadi ikon bagi sesebuah tempat dan berupaya menyumbang kepada repositori sejarah negara. Maka, bangunan bersejarah dilihat perlu dipulihara bukan sahaja